

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

1.1.1 Konsep Kendiri.

Dalam kajian ini, konsep kendiri di rujuk kepada cara individu memahami dirinya berpandukan maklum balas yang diberikan oleh responden berdasarkan ‘The Tennessee Self-Concept Scale’ (TSCS) yang dikemukakan oleh Fitts (1965). Terdapat lima aspek dalam TSCS iaitu :

a). Kendiri Fizikal.

Dalam bahagian ini, individu akan memberi pandangan tentang tubuhnya, perawakan, kesihatannya, kemahiran dan fizikal keperluan seks.

b) Kendiri Peribadi.

Pernyataan-pernyataan yang dapat mencerminkan nilai diri yang dirasai individu iaitu perasaan dan nilainya terhadap peribadi yang tidak ada berkaitan dengan fizikalnya atau hubungannya dengan orang lain. Contohnya, ‘saya puas hati dengan apa yang saya ada sekarang’.

c) Kendiri Moral dan Etika.

Aspek ini memberi gambaran kendiri individu dari segi moral dan kesusilaan. Ia menyentuh tentang soal-soal harga diri, hubungan dengan pencipta, perasaan sebagai orang baik dan orang jahat dan rasa puas hati atau sebaliknya terhadap agama yang dianutinya.

d) Kendiri Keluarga.

Ia memberi gambaran tentang perasaan dan persepsi terhadap kepentingan dan fungsi diri terhadap keluarga dan penerimaan keluarga terhadap diri, iaitu mempunyai kesedaran setakat mana dirinya berharga dan bermakna kepada keluarga.

e) Kendiri Sosial.

Bahagian ini memberi gambaran tentang diri berpandukan pandangan diri yang menyentuh tentang aspek perhubungan dengan orang lain. Ia jelas mencerminkan ‘sense of adequacy and worth’ dalam soal interaksi sosial dengan orang lain.

1.2 Persekitaran Budaya Keluarga.

Dalam kajian ini ia dimaksudkan perkaitan dengan status sosio-ekonomi, perpecahan ahli keluarga dan komunikasi antara anak dengan ibu bapa.

1.2.1 Status Sosio-ekonomi.

Dalam kajian ini, status sosioekonomi yang dimaksudkan pengkaji, berdasarkan kepada pendapatan bulanan ibu, bapa atau jumlah keduanya. Pendapatan yang dianggap rendah ialah RM 500 ke bawah, bagi pendapatan sederhana di antara RM 501- RM 1,000 dan pendapatan tertinggi melebihi RM 1,001 sebulan.

1.2.2 Perpecahan Ahli Keluarga.

Dalam kajian ini, pengkaji menilai perpecahan ahli keluarga dari aspek perceraian ibu bapa disebabkan kematian salah seorang daripada mereka ataupun bercerai hidup.

1.2.3 Komunikasi Antara Ibu Bapa Dengan Anak.

Definisi ini merujuk kepada alat ujian ‘Communication Exercise For Teenagers’ oleh Bienvenu (1969), skor yang melebihi min menunjukkan tahap komunikasi ibubapa-anak adalah positif dan skor yang kurang dari min menunjukkan tahap komunikasi ibu-bapa-anak adalah negatif.

1.3 Objektif

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk memahami konsep kendiri di kalangan para pelajar di sekolah-sekolah kebangsaan, Batang Berjuntai, Selangor. Ibu bapa mereka sibuk bekerja untuk menampung keperluan sehari-hari dan perbelanjaan persekolahan anak mereka yang kian meningkat.

Secara spesifiknya, kajian ini bertujuan:

- 1.3.1 Mengkaji kesan dari latar belakang pelajar ke atas kendiri pelajar.
- 1.3.2 Mengenalpasti lima aspek konsep kendiri iaitu kendiri fizikal, kendiri peribadi, kendiri moral, kendiri keluarga dan kendiri sosial di kalangan pelajar di sekolah tersebut.
- 1.3.3 Membandingkan konsep kendiri di antara pelajar tahun lima dengan pelajar tahun enam.

1.4 Kepentingan Kajian.

Kajian ini penting dalam menentukan maklumat berkaitan dengan konsep kendiri pelajar, sekaligus akan dapat membantu Guru Penolong Kanan (HEM) dan Guru Disiplin mengenalpasti faktor-faktor utama seperti persekitaran budaya keluarga dalam mencorakkan pembentukan konsep kendiri itu sendiri. Di samping itu, hasil kajian ini juga dapat membantu menyelesaikan masalah berhubung dengan konsep kendiri yang rendah agar ianya dapat dipertingkatkan.

1.5 Hipotesis Kajian.

Kajian ini mengemukakan hipotesis-hipotesis berikut:

1. Terdapat perkaitan secara langsung di antara status sosioekonomi keluarga dengan konsep kendiri di kalangan pelajar di Sekolah-Sekolah Kebangsaan, Batang Berjuntai.
2. Terdapat perkaitan secara langsung di antara keruntuhan keluarga dengan konsep kendiri di kalangan pelajar.
3. Terdapat perkaitan secara langsung di antara komunikasi ibu bapa – anak dengan konsep kendiri di kalangan pelajar.
4. Terdapat perbezaan yang signifikan di antara konsep kendiri pelajar berumur sekitar 10 – 11 tahun dengan pelajar berumur 12 – 13 tahun.
5. Terdapat perbezaan yang signifikan antara konsep kendiri pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

1.6 Latar Belakang Kajian .

Batang Berjuntai mempunyai 4 buah sekolah kebangsaan iaitu :

- a) Sekolah Kebangsaan Bukit Badong .
- b) Sekolah Kebangsaan Jaya Setia .
- c) Sekolah Kebangsaan Ijok .
- d) Sekolah Kebangsaan Rantau Panjang .

Sekolah Kebangsaan Bukit Badong dan Sekolah Kebangsaan Rantau Panjang adalah sekolah gred A yang mempunyai murid lebih daripada 600 orang tiap-tiap satu. Manakala Sekolah Kebangsaan Jaya Setia dan Sekolah Kebangsaan Ijok, adalah sekolah kecil, gred B mempunyai pelajar seramai 300 orang tiap-tiap satu. Sekolah Kebangsaan Ijok, pelajarnya datangnya dari Kampung Ijok, manakala Sekolah Kebangsaan Jaya Setia, pelajarnya datang dari Kampung Jaya Setia dan Pekan Batang Berjuntai. Sekolah Kebangsaan Rantau Panjang mendapat pelajar dari beberapa buah estet yang berhampiran termasuk dari Kampung Rantau Panjang, Kem 7,9 (lombong), Bukit Minyak dan dari Sungai Darah. Manakala Sekolah Kebangsaan Bukit Badong memperolehi pelajar dari Kampung Bukit Badong, Estet Tuan Mee, Batang Berjuntai (rumah-rumah murah) dan Kampung Hang Tuah.

Pemilihan dibuat mengikut kriteria yang boleh membantu kajian konsep kendiri pelajar sekolah-sekolah kebangsaan Batang Berjuntai :

- i) Pelajar adalah daripada sekolah-sekolah kebangsaan Batang Berjuntai.
- ii) Pendapatan keluarga pelajar adalah di bawah RM 500 – RM 1,001 sebulan.
- iii) Pelajar lelaki dan perempuan berumur di antara 10 hingga 13 tahun.

1.7 Organisasi Laporan

Bab 1 menerangkan konsep kendiri yang dikemukakan oleh Fitts (1965), objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian dan hipotesis. Bab 2 menerangkan secara ringkas tentang kajian lepas, konsep kendiri yang telah dikaji oleh pengkaji dari luar dan tempatan. Bab 3 menghuraikan tentang aspek-aspek kajian yang dijalankan seperti reka bentuk kajian, alat kajian, skop dan had kajian, subjek kajian, tatacara kajian dan penganalisaan data. Bab 4 menerangkan bahawa semua dapatan kajian akan dibentangkan dalam bentuk peratusan, analisis regresi dan ujian Anova, Bab 5 membincangkan penilaian dan pentafsiran hasil kajian yang diperolehi untuk menguji hipotesis yang telah dibentuk. Kesimpulan, implikasi dan cadangan akan datang juga dikemukakan.